

Jangan terlalu ghairah

BH - 4 JUL 2000

IPOH, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli Umno agar tidak terlalu ghairah bertanding pada pemilihan bahagian tahun depan.

Perdana Menteri berkata, sikap terlalu ghairah itu boleh mengurangkan kekuatan Umno sekiranya ketua bahagian atau calon yang kalah menarik diri daripada parti.

"Setakat ini, kita belum ada peraturan dan kita merayu kepada ketua bahagian tidak terlalu ghairah sehingga jika kalah menarik diri daripada parti," katanya kepada pemberita selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di kediaman Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali, di sini hari ini.

Mesyuarat itu yang pertama diadakan di luar ibu pejabat Umno di Kuala Lumpur, membolehkan pemimpin bertemu ahli parti di peringkat akar umbi.

Idea mengadakan mesyuarat di luar Kuala Lumpur dicadangkan perwakililan pada Perhimpunan Agung Mei lalu.

Perdana Menteri dan ahli MT selepas mesyuarat

itu menghadiri majlis makan malam bersama ketua jabatan, pemimpin dan ahli Umno Perak di pekarangan kediaman menteri besar.

Mesyuarat hari ini turut dihadiri lima daripada sepuluh ahli MT yang baru dilantik iaitu Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Tereng-

bertanding: Dr M

ganu, Datuk Idris Jusoh, Exco Pemuda Umno, Azimi Daim, Exco Wanita, Dr Nurraesah Mohamad dan peguam, Azalina Osman.

Mengulas pelantikan ahli MT yang baru, Dr Mahathir berkata sebahagian daripada mereka tidak dapat hadir kerana berada di luar negara atau mempunyai urusan lain.

"Mereka yang hadir mendengar dan mengikut mesyuarat dan kita perlu memberi masa kepada mereka untuk menyesuaikan diri," katanya.

Perdana Menteri berkata, selain mesyuarat dua kali sebulan, MT juga akan mengadakan mesyuarat tertentu pada masa depan bagi membincangkan soal agama yang disalahgunakan oleh pi-

hak tertentu.

Beliau berkata, langkah itu membolehkan MT mengambil tindakan segera bagi menangkis salah guna agama yang disebarkan oleh pihak terbabit.

Dr Mahathir berkata, MT juga memutuskan supaya mesyuarat Barisan Nasional (BN) diadakan tetapi tarikh akan diumumkan kemudian.